



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2010**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2010**

A. ARAHAN AM KEPADA PENGETUA

1. Pengetua hendaklah mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2010 kepada semua calon.
2. Pengetua hendaklah memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2010 sebelum peperiksaan.
3. Pengetua hendaklah menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas soalan yang ditawarkan di sekolah pada tahun semasa.
4. Pengetua hendaklah merujuk kepada dokumen Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis dan Peraturan dan Panduan Peperiksaan SPM.

B. ARAHAN AM KEPADA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

1. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2010 mendapat perhatian calon.
2. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mencatatkan di papan tulis dan memaklumkan kepada calon tarikh peperiksaan, kod kertas, nama kertas, waktu, masa peperiksaan dan *errata* (jika ada) bagi kertas soalan.
3. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengedarkan kertas soalan mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2010.
4. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengedarkan kertas soalan dengan muka hadapan kertas soalan di sebelah atas.
5. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengarahkan calon menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas soalan bagi memastikan calon mendapat kertas soalan yang betul.
6. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengedarkan bahan peperiksaan dan kertas jawapan mengikut keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada muka hadapan kertas soalan.
7. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah membenarkan kalkulator dibawa masuk ke dewan/bilik peperiksaan.
8. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas soalan.

9. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah memastikan bilangan skrip jawapan peperiksaan yang dikumpul dan dicatat pada borang LPM/AM29 akur dengan bilangan calon dalam Jadual Kedatangan bagi sesuatu kertas soalan.
10. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah merujuk kepada dokumen Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis.

C. ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN

1. ARAHAN AM

- 1.1 Calon **wajib** menduduki **semua** kertas soalan bagi mata pelajaran yang didaftar. Calon yang **tidak dapat** menduduki mana-mana kertas soalan sama ada kertas soalan bertulis atau ujian amali atau tidak melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah akan dianggap **tidak hadir** bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang **tidak dapat** menduduki atau **tidak hadir** sesuatu kertas soalan dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor atau surat kebenaran khas Pengarah Peperiksaan. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan sebelum tamat tempoh peperiksaan SPM 2010.
- 1.2 Calon hendaklah menyemak butiran pada **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** sebelum peperiksaan. Calon hendaklah memaklumkan kepada Pengetua sekiranya terdapat kesilapan maklumat dan mengisi Borang Pembetulan Maklumat Calon. Calon dikenakan bayaran **RM 30.00** . Pembayaran hendaklah dibuat kepada pihak sekolah (calon sekolah) atau JPN (calon persendirian).

2. ARAHAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam dewan/bilik peperiksaan **15 minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
- 2.2 Calon hendaklah menyemak butiran dan menandatangani **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** pada hari pertama peperiksaan.
- 2.3 Calon hendaklah meletakkan **Kad Pengenalan** atau **Dokumen Pengenalan Diri** atau **Surat Perakuan Pengenalan Diri** daripada Pengetua dan **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** di penjuru atas sebelah kanan meja sepanjang waktu peperiksaan. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.
- 2.4 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan atas budi bicara Ketua Pengawas Peperiksaan sekiranya tiba **30 minit selepas peperiksaan dimulakan**. Calon mesti mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.
- 2.5 Calon boleh membuat bantahan sekiranya telah mendaftar untuk menduduki sesuatu mata pelajaran tetapi kod kertas soalan tersebut tidak tercatat dalam Jadual Kedatangan. Calon hendaklah mengemukakan **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** dari Lembaga Peperiksaan yang mengandungi **kod kertas, nama kertas dan jenis peperiksaan (SPM 2010)** sebagai bukti pendaftaran. Calon tidak dikenakan bayaran.

3. ARAHAN TENTANG KERTAS SOALAN

- 3.1 Calon hendaklah menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas soalan bagi memastikan calon mendapat kertas soalan yang betul.
- 3.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas soalan yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 3.3 Calon hendaklah **membaca dan mematuhi semua arahan** pada halaman hadapan dan halaman belakang kertas soalan sebelum peperiksaan dimulakan.

4. ARAHAN TENTANG KERTAS JAWAPAN DAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

- 4.1 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas jawapan yang tidak menepati keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada kertas soalan.
- 4.2 Calon hendaklah menulis **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Nama Kertas, Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** dengan jelas pada ruangan yang disediakan pada kertas soalan dan kertas jawapan seperti Buku Jawapan (BJ), Helaian Tambahan (HT), peta, graf , kertas lukisan dan sebagainya.
- 4.3 Calon hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru. Pensel atau pena mata bola berdakwat selain hitam atau biru boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta.
- 4.4 Calon hendaklah menggunakan kedua-dua halaman pada setiap helaian BJ dan HT. Tulis jawapan bagi setiap soalan pada halaman yang baharu.
- 4.5 Calon hendaklah menulis dengan jelas pada kertas jawapan nombor soalan seperti yang tertera pada kertas soalan. Calon tidak perlu menyalin soalan.
- 4.6 Calon hendaklah menulis semua jawapan dalam Bahasa Melayu kecuali bagi kertas soalan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.7 Calon hendaklah memastikan **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Nama Kertas, Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** telah ditulis dengan betul pada ruangan yang disediakan pada kertas soalan dan kertas jawapan seperti Buku Jawapan (BJ), Helaian Tambahan (HT), peta, graf , kertas lukisan dan sebagainya, apabila diarah berhenti menulis.
- 4.8 Calon hendaklah memastikan setiap helaian tambahan disusun mengikut urutan nombor soalan sebelum diikat bersama kertas soalan atau Buku Jawapan.
- 4.9 Calon hendaklah berada di tempat duduk yang ditetapkan semasa skrip jawapan peperiksaan atau kertas soalan tertutup dikumpul semula oleh Pengawas.

5. ARAHAN TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)

- 5.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada kertas JOB

berkenaan. Calon **dilarang** membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak pada Bahagian A. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.

- 5.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 5.3 Calon hendaklah menanda ruangan **Bahasa Digunakan** untuk menjawab kertas yang berkenaan.
- 5.4 Calon hendaklah menggunakan pensel **2B** atau **BB** sahaja.
- 5.5 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada ruangan yang disediakan dan hitamkan ruang yang berkenaan. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.6 Calon hendaklah menggunakan **getah pemadam jenis lembut sahaja** untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon **dilarang** menggunakan **pemadam jenis cecair, kimia, pelekat** atau **seumpamanya**.
- 5.7 Calon **dilarang** melipat, menggulung atau merenyuk kertas JOB dan JOTB.
- 5.8 Calon **dilarang** membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada kertas JOB dan JOTB.

D. AMARAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN

1. Dilarang membawa masuk sebarang buku, nota, catatan, akhbar, kamus, kertas, telefon bimbit atau alat-alat komunikasi, kotak pensel, beg dan Jadual Waktu Peperiksaan ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. Dilarang menulis nota pada dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
3. Dilarang membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
4. Dilarang menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
5. Dilarang memberi pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan atau menggunakan bahasa isyarat untuk tujuan meniru.
6. Dilarang mendedahkan kertas soalan atau/dan skrip jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
7. Dilarang menukar kertas soalan atau/dan skrip jawapan peperiksaan dengan calon lain.
8. Dilarang menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
9. Dilarang membawa keluar kertas soalan dari dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
10. Dilarang membawa keluar **kertas soalan tertutup** dan **skrip jawapan peperiksaan** dari dewan/bilik peperiksaan.

11. Dilarang membawa keluar kertas jawapan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan dari dewan/bilik peperiksaan.
12. Dilarang keluar dari dewan/bilik peperiksaan **30 minit pertama** peperiksaan dimulakan dan **10 minit terakhir sebelum peperiksaan** ditamatkan.
13. Dilarang melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan.
14. Dilarang mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
15. Dilarang memakai pakaian yang tidak sopan dan menjolok mata.
16. Dilarang merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan.
17. Sebarang perbuatan yang melanggar peraturan peperiksaan dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku di atas boleh dikenakan tindakan berikut:-
 - 17.1 Keseluruhan keputusan peperiksaan digantung;
 - 17.2 Keputusan mata pelajaran berkenaan dibatalkan;
 - 17.3 Keseluruhan keputusan peperiksaan dibatalkan;
 - 17.4 Keseluruhan peperiksaan pusat berkenaan dibatalkan.

E. ARAHAN KHAS

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
Bahasa Melayu Bahasa Inggeris	<p>Ujian Lisan Khusus Calon Persendirian (ULKCP)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Calon persendirian wajib melaksanakan ULKCP sekiranya calon termasuk dalam satu daripada kategori berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1.1 Calon persendirian yang pertama kali mendaftar peperiksaan SPM. 1.2 Calon persendirian yang mengulang selepas tempoh tiga tahun dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM 1.3 Calon persendirian yang mengulang dalam tempoh tiga tahun dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan mendapat keputusan G (GAGAL) atau T (TIDAK HADIR). 2. Calon persendirian tidak wajib melaksanakan ULKCP sekiranya calon mengulang dalam tempoh tiga tahun dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan LULUS Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris.
Bahasa Arab Tinggi Bahasa Arab Komunikasi Pendidikan Al Quran Dan Al-Sunnah	<p>Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Calon persendirian wajib melaksanakan PLBS sekiranya calon termasuk dalam satu daripada kategori berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1.1 Calon persendirian yang pertama kali mendaftar peperiksaan SPM. 1.2 Calon persendirian yang mengulang selepas tempoh tiga tahun dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM 1.3 Calon persendirian yang mengulang dalam tempoh tiga tahun dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan mendapat keputusan G (GAGAL) atau T (TIDAK HADIR). 2. Calon persendirian tidak wajib melaksanakan PLBS sekiranya calon mengulang dalam tempoh tiga tahun dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan LULUS Bahasa Arab Tinggi/ Bahasa Arab Komunikasi/ Pendidikan Al Quran Dan Al-Sunnah.

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS		ARAHAN KHAS
2280/2	Geografi <i>Kertas 2</i>	Stensil peta tidak boleh digunakan.
Kertas Soalan Tertutup		Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyerahkan baki kertas soalan Pendidikan Moral Kertas 1, Pendidikan Seni Visual – Teori Seni Kertas 1 dan Pengetahuan Sains Sukan Kertas 1 kepada Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri.
1225/1	Pendidikan Moral <i>Kertas 1</i>	Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengumpul semula kertas soalan Pendidikan Seni Visual – Teori Seni Kertas 1 dan Pengetahuan Sains Sukan Kertas 1 selepas tamat waktu peperiksaan mata pelajaran berkenaan dan menyerahkannya kepada Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri.
2611/1	Pendidikan Seni Visual – Teori Seni <i>Kertas 1</i>	
4571/1	Pengetahuan Sains Sukan <i>Kertas 1</i>	
2611/2	Pendidikan Seni Visual – Seni Halus <i>Kertas 2</i>	Calon hendaklah menggunakan kertas lukisan yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan sahaja. Calon yang mengambil kertas Pendidikan Seni Visual – Seni Halus Kertas 2, hendaklah mengambil kertas soalan daripada Ketua Pengawas Peperiksaan pada 2 Disember 2010 (Khamis) .
3759/1	Lukisan Kejuruteraan <i>Kertas 1</i>	Calon yang mengambil kertas soalan Lukisan Kejuruteraan Kertas 1 hendaklah membawa semua alat lukisan kejuruteraan yang diperlukan seperti Sesiku T, Pembaris Skala, Papan Lukisan A3 (297 mm x 420 mm) dan alat-alat lukisan.

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
7102/1 Membuat Perabot <i>Kertas 1</i>	Calon yang mengambil kertas soalan Membuat Perabot Kertas 1 hendaklah membawa sendiri alat melukis dan pensel warna.
7204/1 Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut <i>Kertas 1</i>	Calon yang mengambil kertas soalan Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut Kertas 1 hendaklah membawa sendiri pensel warna dan <i>make-up kit</i> .
7201/1 Rekaan dan Jahitan Pakaian <i>Kertas 1</i> 7202/1 Katering dan Penyajian <i>Kertas 1</i> 7203/1 Pemprosesan Makanan <i>Kertas 1</i> 7205/1 Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak <i>Kertas 1</i> 7206/1 Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik <i>Kertas 1</i> 7302/1 Akuakultur dan Haiwan Rekreasi <i>Kertas 1</i> 7303/1 Tanaman Makanan <i>Kertas 1</i> 7401/1 Seni Reka Tanda <i>Kertas 1</i> 7402/1 Hiasan Dalaman Asas <i>Kertas 1</i> 7403/1 Produksi Multimedia <i>Kertas 1</i> 7404/1 Grafik Berkomputer <i>Kertas 1</i> 8101/1 Bahan Binaan <i>Kertas 1</i> 8401/1 Fundamentals of Programming <i>Kertas 1</i> 8402/1 Programming and Development Tools <i>Kertas 1</i> 8501/1 Membuat Pakaian <i>Kertas 1</i> 8511/1 Roti dan Masakan Yis <i>Kertas 1</i> 8512/1 Patisserie <i>Kertas 1</i> 8522/1 Dandanan Rambut <i>Kertas 1</i> 8531/1 Pengajian Perkembangan Kanak-Kanak <i>Kertas 1</i> 8541/1 Penyediaan Masakan Barat dan Timur <i>Kertas 1</i> 8542/1 Penyajian Makanan dan Minuman <i>Kertas 1</i> 8701/1 Aplikasi Komputer Dalam Perniagaan <i>Kertas 1</i> 8702/1 Perakaunan Perniagaan <i>Kertas 1</i> 8703/1 Teknologi Pejabat Perniagaan <i>Kertas 1</i>	Calon yang mengambil kertas soalan berkenaan hendaklah membawa sendiri pensel warna.

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS		ARAHAN KHAS
8502/1	Pola Pakaian <i>Kertas 1</i>	Calon yang mengambil kertas soalan Pola Pakaian Kertas 1 hendaklah membawa sendiri pensel warna dan pembaris skala 1/4.
8521/1	Persolekan <i>Kertas 1</i>	Calon yang mengambil kertas soalan Persolekan Kertas 1 hendaklah membawa sendiri pensel warna dan <i>make-up kit</i> .
8532/1	Perkhidmatan Awal Kanak-Kanak <i>Kertas 1</i>	Calon yang mengambil kertas soalan Perkhidmatan Awal Kanak-Kanak Kertas 1 hendaklah membawa sendiri pensel warna dan pembaris 30 cm panjang.
8102/1	Teknologi Binaan <i>Kertas 1</i>	Calon yang mengambil kertas soalan berkenaan hendaklah membawa sendiri semua peralatan lukisan seperti sesiku, papan lukisan, pembaris skala dan alatan lukisan yang lain.
8201/1	Prinsip Elektrik dan Elektronik <i>Kertas 1</i>	
8301/1	Pemesinan Berkomputer <i>Kertas 1</i>	
8311/1	Penyejukan <i>Kertas 1</i>	
8321/1	Automotif Kenderaan <i>Kertas 1</i>	
8331/1	Kimpalan Arka <i>Kertas 1</i>	
8332/1	Kimpalan Gas <i>Kertas 1</i>	Calon yang mengambil kertas soalan Kimpalan Gas Kertas 1 hendaklah membawa sendiri <i>French Curve</i> .

Penggunaan Kalkulator	Calon dibenar menggunakan kalkulator bagi kertas soalan yang berkenaan.
-----------------------	---

**JADUAL MASA TAMBAHAN
CALON BERKEPERLUAN KHAS**

Masa tambahan yang diperuntukkan ini adalah untuk semua jenis kertas soalan. Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan khas iaitu Kategori A dan Kategori B.

Kategori A : Calon Buta, Rabun, Spastik/Cerebral Palsy, Autisme/Sindrom Down/Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)/Attention Deficit Disorder (ADD), Disleksia dan Cacat Anggota.

1. Calon kemalangan yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
2. Kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas nasihat Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri (u.p.: Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan)

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM	Masa tambahan yang diberi
1	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam
3	Lebih 2 jam 30 minit	1 jam 30 minit

Kategori B : Calon Pekak

Masa tambahan bagi calon ini adalah 25% daripada masa yang diperuntukkan bagi setiap kertas peperiksaan.

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM	25% masa tambahan yang diberi
1	1 jam	15 minit
2	1 jam 15 minit	20 minit
3	1 jam 30 minit	25 minit
4	1 jam 45 minit	30 minit
5	2 jam	30 minit
6	2 jam 15 minit	35 minit
7	2 jam 30 minit	40 minit
8	3 jam	45 minit

JADUAL WAKTU UJIAN AMALI SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
SELASA 19 Oktober 2010	08:00 pagi — 09:30 pagi	8881/2	Pengeluaran Tanaman <i>Kertas 2</i>	1 jam 30 minit
RABU 20 Oktober 2010	08:00 pagi — 09:30 pagi	8883/2	Hortikultur Hiasan dan Landskap <i>Kertas 2</i>	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	8884/2	Kejenteraan Ladang <i>Kertas 2</i>	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	8885/2	Pengurusan Ladang <i>Kertas 2</i>	1 jam 30 minit
KHAMIS 21 Oktober 2010	08:00 pagi — 09:30 pagi	8882/2	Pengeluaran Ternakan <i>Kertas 2</i>	1 jam 30 minit

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
SELASA 23 November 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	08:00 pagi — 10:15 pagi	1103/1	Bahasa Melayu Kertas 1	2 jam 15 minit
	10:50 pagi — 11:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	11:00 pagi — 12:15 tengah hari	2611/1	Pendidikan Seni Visual - Teori Seni (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
RABU 24 November 2010	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	1103/2	Bahasa Melayu Kertas 2	2 jam 30 minit
	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
RABU 24 November 2010	08:00 pagi — 09:45 pagi	1119/1	Bahasa Inggeris Kertas 1	1 jam 45 minit
	10:20 pagi — 10:30 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	10:30 pagi — 12:45 tengah hari	1119/2	Bahasa Inggeris Kertas 2	2 jam 15 minit
KHAMIS 25 November 2010	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	02:00 petang — 03:15 petang	5226/1	Tasawwur Islam Kertas 1	1 jam 15 minit
	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
KHAMIS 25 November 2010	08:00 pagi — 09:00 pagi	1249/1	Sejarah (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam
	09.50 pagi — 10:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Buku Jawapan	10 minit
	10:00 pagi — 12:30 tengah hari	1249/2	Sejarah Kertas 2	2 jam 30 minit
KHAMIS 25 November 2010	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	5226/2	Tasawwur Islam Kertas 2	2 jam 30 minit

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
ISNIN 29 November 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	1449/1	Mathematics (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	09:50 pagi — 10:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	10:00 pagi — 12:30 tengah hari	1449/2	Mathematics Kertas 2	2 jam 30 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Buku Jawapan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	3765/1	Information and Communication Technology Kertas 1	2 jam 30 minit
SELASA 30 November 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
	08:00 pagi — 10:00 pagi	1223/1	Pendidikan Islam Kertas 1	2 jam
	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	1225/1	Pendidikan Moral Kertas 1	2 jam 30 minit
	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	5228/2	Pendidikan Syari'ah Islamiah Kertas 2	2 jam 30 minit
	11:05 pagi — 11:15 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	11:15 pagi — 12:55 tengah hari	1223/2	Pendidikan Islam Kertas 2	1 jam 40 minit
	11:05 pagi — 11:15 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	11:15 pagi — 12:30 tengah hari	5228/1	Pendidikan Syari'ah Islamiah (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	2621/1	Pendidikan Muzik Kertas 1	2 jam 30 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	3763/1	Reka Cipta Kertas 1	2 jam 30 minit

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
RABU 1 Disember 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	08:00 pagi — 10:00 pagi	3472/1	Additional Mathematics Kertas 1	2 jam
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	3472/2	Additional Mathematics Kertas 2	2 jam 30 minit
KHAMIS 2 Disember 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	1511/1	Science (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	4531/1	Physics (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	4581/1	Applied Science (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	09:50 pagi — 10:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
	10:00 pagi — 12:30 tengah hari	1511/2	Science Kertas 2	2 jam 30 minit
	10:00 pagi — 12:30 tengah hari	4531/2	Physics Kertas 2	2 jam 30 minit
	10:00 pagi — 12:00 tengah hari	4581/2	Applied Science Kertas 2	2 jam
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
	02:00 petang — 03:30 petang	4531/3	Physics (Amali Bertulis) Kertas 3	1 jam 30 minit
ISNIN 6 Disember 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	4541/1	Chemistry (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	4561/1	Additional Science (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	09:50 pagi — 10:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
	10:00 pagi — 12:30 tengah hari	4541/2	Chemistry Kertas 2	2 jam 30 minit
	10:00 pagi — 12:30 tengah hari	4561/2	Additional Science Kertas 2	2 jam 30 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
	02:00 petang — 03:30 petang	4541/3	Chemistry (Amali Bertulis) Kertas 3	1 jam 30 minit
	02:00 petang — 03:30 petang	4561/3	Additional Science (Amali Bertulis) Kertas 3	1 jam 30 minit

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
RABU 8 Disember 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	3755/1	Perdagangan (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	4551/1	Biology (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	09:50 pagi — 10:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	10:00 pagi — 12:00 tengah hari	3755/2	Perdagangan Kertas 2	2 jam
	09:50 pagi — 10:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
	10:00 pagi — 12:30 tengah hari	4551/2	Biology Kertas 2	2 jam 30 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
02:00 petang — 03:30 petang	4551/3	Biology (Amali Bertulis) Kertas 3	1 jam 30 minit	
KHAMIS 9 Disember 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	2205	Literature in English	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	2215	Kesusasteraan Melayu	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	9216	Kesusasteraan Cina	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	9217	Kesusasteraan Tamil	2 jam 30 minit
	11:05 pagi — 11:15 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	11:15 pagi — 12:30 tengah hari	3756/1	Prinsip Perakaunan (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada Helaian Tambahan, Kertas Graf, Lejar, Jurnal dan Buku Tunai	10 minit
02:00 petang — 04:30 petang	3756/2	Prinsip Perakaunan Kertas 2	2 jam 30 minit	

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
ISNIN 13 Disember 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	08:00 pagi — 9:30 pagi	3528/1	Sains Pertanian Kertas 1	1 jam 30 minit
	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	08:00 pagi — 9:00 pagi	3758/1	Ekonomi Rumah Tangga (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam
	09:50 pagi — 10:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	10:00 pagi — 12:00 tengah hari	3528/2	Sains Pertanian Kertas 2	2 jam
	09:50 pagi — 10:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	10:00 pagi — 12:00 tengah hari	3758/2	Ekonomi Rumah Tangga Kertas 2	2 jam
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada Kertas Lukisan	10 minit
	02:00 petang — 05:00 petang	2611/2	Pendidikan Seni Visual - Seni Halus Kertas 2	3 jam

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
SELASA 14 Disember 2010	<i>07:50 pagi — 08:00 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	<i>10 minit</i>
	08:00 pagi — 10:30 pagi	2361/2	Bahasa Arab Tinggi Kertas 2	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	6356	Bahasa Iban	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	6362/1	Bahasa Arab Komunikasi Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	9303	Bahasa Perancis	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 11:00 pagi	9378	Bahasa Punjabi	3 jam
	<i>07:50 pagi — 08:00 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan</i>	<i>10 minit</i>
	08:00 pagi — 10:15 pagi	6351/2	Bahasa Cina Kertas 2	2 jam 15 minit
	08:00 pagi — 10:15 pagi	6354/2	Bahasa Tamil Kertas 2	2 jam 15 minit
	<i>11:05 pagi — 11:15 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan</i>	<i>10 minit</i>
	11:15 pagi — 12:30 tengah hari	2361/1	Bahasa Arab Tinggi Kertas 1	1 jam 15 minit
	<i>11:05 pagi — 11:15 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	<i>10 minit</i>
	11:15 pagi — 01:00 tengah hari	6351/1	Bahasa Cina Kertas 1	1 jam 45 minit
	11:15 pagi — 01:00 tengah hari	6354/1	Bahasa Tamil Kertas 1	1 jam 45 minit
<i>01:50 petang — 02:00 petang</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Buku Jawapan</i>	<i>10 minit</i>	
02:00 petang — 04:00 petang	2280/2	Geografi Kertas 2	2 jam	

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA	
RABU 15 Disember 2010	<i>07:50 pagi — 08:00 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan</i>	<i>10 minit</i>	
	08:00 pagi — 09:15 pagi	6355/1	English for Science and Technology Kertas 1	1 jam 15 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8101/1	Bahan Binaan Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8202/1	Aplikasi Elektrik dan Elektronik Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8302/1	Amalan Bengkel Mekanikal Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8312/1	Penyamanan Udara Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8322/1	Automotif Elektrik dan Diesel Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8332/1	Kimpalan Gas Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8402/1	Programming and Development Tools Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8502/1	Pola Pakaian Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8512/1	Patisserie Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8522/1	Dandan Rambut Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8532/1	Perkhidmatan Awal Kanak-Kanak Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8542/1	Penyajian Makanan dan Minuman Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8702/1	Perakaunan Perniagaan Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8703/1	Teknologi Pejabat Perniagaan Kertas 1	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8882/1	Pengeluaran Ternakan Kertas 1	2 jam 30 minit	
		<i>11:05 pagi — 11:15 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	<i>10 minit</i>
		11:15 pagi — 12:15 tengah hari	6355/2	English for Science and Technology (Aneka Pilihan) Kertas 2	1 jam
		<i>01:50 petang — 02:00 petang</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	<i>10 minit</i>
	02:00 petang — 03:15 petang	2280/1	Geografi (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit	

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
KHAMIS 16 Disember 2010	<i>07:50 pagi — 08:00 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	<i>10 minit</i>
	08:00 pagi — 09:15 pagi	3754/1	Pengajian Keusahawanan (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	4571/1	Pengetahuan Sains Sukan (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	<i>07:50 pagi — 08:00 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan</i>	<i>10 minit</i>
	08:00 pagi — 09:30 pagi	3760/1	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Kertas 1	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	3761/1	Pengajian Kejuruteraan Awam Kertas 1	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	3762/1	Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Kertas 1	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	3764/1	Teknologi Kejuruteraan Kertas 1	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8881/1	Pengeluaran Tanaman Kertas 1	2 jam 30 minit
	<i>10:05 pagi — 10:15 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	<i>10 minit</i>
	10:15 pagi — 12:15 tengah hari	3754/2	Pengajian Keusahawanan Kertas 2	2 jam
	10:15 pagi — 12:45 tengah hari	3760/2	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Kertas 2	2 jam 30 minit
	10:15 pagi — 12:45 tengah hari	3761/2	Pengajian Kejuruteraan Awam Kertas 2	2 jam 30 minit
	10:15 pagi — 12:45 tengah hari	3762/2	Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Kertas 2	2 jam 30 minit
	10:15 pagi — 12:45 tengah hari	3764/2	Teknologi Kejuruteraan Kertas 2	2 jam 30 minit
	<i>10:05 pagi — 10:15 pagi</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan</i>	<i>10 minit</i>
	10:15 pagi — 12:45 tengah hari	4571/2	Pengetahuan Sains Sukan Kertas 2	2 jam 30 minit
	<i>01:50 petang — 02:00 petang</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan</i>	<i>10 minit</i>
	02:00 petang — 04:30 petang	5227/1	Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah Kertas 1	2 jam 30 minit
	<i>01:50 petang — 02:00 petang</i>	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan</i>	<i>10 minit</i>
02:00 petang — 04:30 petang	9221	Bible Knowledge	2 jam 30 minit	

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
ISNIN 20 Disember 2010	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	3529/1	Pengajian Agroteknologi (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	08:00 pagi — 09:00 pagi	3766/1	Pengurusan Makanan (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam
	08:00 pagi — 09:00 pagi	3767/1	Pengajian Pakaian (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam
	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	3759/1	Lukisan Kejuruteraan Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7101/1	Pembinaan Domestik Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7102/1	Membuat Perabot Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7103/1	Kerja Paip Domestik Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7104/1	Pendawaian Domestik Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7105/1	Kimpalan Arka dan Gas Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7106/1	Menservis Automobil Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7107/1	Menservis Motosikal Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7108/1	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7109/1	Menservis Peralatan Elektrik Domestik Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7201/1	Rekaan dan Jahitan Pakaian Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7202/1	Katering dan Penyajian Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7203/1	Pemprosesan Makanan Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7204/1	Penjagaan Muka dan Dandananan Rambut Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7205/1	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7206/1	Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7301/1	Landskap dan Nurseri Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7302/1	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7303/1	Tanaman Makanan Kertas 1	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7401/1	Seni Reka Tanda Kertas 1	2 jam 30 minit

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS SPM 2010

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA	
ISNIN 20 Disember 2010	08:00 pagi — 10:30 pagi	7402/1	Hiasan Dalaman Asas <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7403/1	Produksi Multimedia <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7404/1	Grafik Berkomputer <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8102/1	Teknologi Binaan <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8201/1	Prinsip Elektrik dan Elektronik <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8301/1	Pemesinan Berkomputer <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8311/1	Penyejukan <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8321/1	Automotif Kenderaan <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8331/1	Kimpalan Arka <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8401/1	Fundamentals of Programming <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8501/1	Membuat Pakaian <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8511/1	Roti dan Masakan Yis <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8521/1	Persolekan <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8531/1	Pengajian Perkembangan Kanak-Kanak	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8541/1	Penyediaan Masakan Barat dan Timur <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8701/1	Aplikasi Komputer Dalam Perniagaan <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8883/1	Hortikultur Hiasan dan Landskap <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8884/1	Kejenteraan Ladang <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	8885/1	Pengurusan Ladang <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
		11:05 pagi — 11:15 pagi	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	10 minit
		11:15 pagi — 12:30 tengah hari	3757/1	Ekonomi Asas (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	1 jam 15 minit
		01:50 petang — 02:00 petang	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	10 minit
		02:00 petang — 04:00 petang	3529/2	Pengajian Agroteknologi <i>Kertas 2</i>	2 jam
	02:00 petang — 04:00 petang	3757/2	Ekonomi Asas <i>Kertas 2</i>	2 jam	
	02:00 petang — 04:00 petang	3766/2	Pengurusan Makanan <i>Kertas 2</i>	2 jam	
	02:00 petang — 04:00 petang	3767/2	Pengajian Pakaian <i>Kertas 2</i>	2 jam	



LEMBAGA PEPERIKSAAN

BORANG PENGESAHAN GARIS PANDUAN DAN ARAHAN DALAM JADUAL WAKTU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010 TELAH DIBACA

1. Nama :

2. Angka Giliran :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

3. Nombor Kad Pengenalan :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

4. Pengakuan :

Saya mengaku bahawa telah membaca dan akan mematuhi semua Garis Panduan dan Arahan Jadual Waktu Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2010.

Tandatangan Calon :

Tarikh :

5. Pengesahan Pengetua/Pegawai SPP JPN:

Tandatangan dan Cap Pengetua
Pengetua/Pegawai SPP JPN :

Tarikh :

NOTA :

- Sila asingkan borang ini dan serahkan kepada Setiausaha Peperiksaan/Pegawai SPP JPN
- Setiausaha Peperiksaan/Pegawai SPP JPN dikehendaki menyimpan semua borang pengesahan.

